

KHUTBAH JUMAAT

KARANGAN LEBAI KECIK ZAMAN

RAJA SYED ALWI JAMALULLAIL, RAJA PERLIS YANG KEEMPAT (1904-1943)

Oleh : *Shukor Mat*

Sebenarnya Lebai Kecil ialah gelaran kepada Abdul Manaf bin Abdullah yang berasal dari Kampung Kemantan Darat, Padang, Sumatera. Usia beliau sehingga 60 tahun dan bekerja sebagai guru agama dan pesawah. Mendapat pendidikan awal di Sumatera, belajar agama dan bahasa Arab di pondok-pondok agama negeri Perak. Beliau membaca Kitab Bandung dan bergaul dengan ulama-ulama as-Sunnah seperti Pak Wan Ahmad.

Beliau merupakan pengasas as-Sunnah yang kedua, selepas Syeikh Hassan Surabaya selain daripada menjadi Imam dan guru agama di Kampung Behor Masjid dalam tahun 1940an. Lebai Kecil mengajar secara percuma dan digelar “Kaum Muda” sebab banyak membuat pindaan di dalam ibadat sembahyang dan pengkebumian mayat (tidak baca talkin). Di antara bekas muridnya yang terkenal ialah Datuk Jaafar Hassan (mantan Menteri Besar Perlis) (Shukor Mat, *As-Sunnah Di Perlis*, hal.57).

Rencana ini memaparkan karangan Khutbah Lebai Kecil daripada yang asalnya bertulis jawi kepada tulisan rumi dan sedikit ulasan mengenai khutbah tersebut mengikut muka surat asal khutbah tersebut:-

Muka 1: Sekalian pujiannya itu bagi Allah yang mengajar dengan perantaraan kalam. Dia mengajar kepada manusia apa yang mereka tidak tahu. Maka mudah-mudahan bercucuran rahmat dan sejahtera atas nabi kita penghulu kita dan atas keluarganya dan sahabat-sahabatnya yang jadi pelita menerangi gelap gulita. Aku mengaku bahawasanya tidak ada Tuhan melainkan Allah dan aku mengaku bahawa Nabi Muhammad itu Pesuruh Allah.

Muka 2 : Ada pun kemudian daripada itu hai sekalian jemaah yang hadir sesungguhnya agama kita Islam sangat menggemarkan kita dengan belajar menuntut ilmu supaya kita sekalian jangan jadi bodoh. Dan supaya jangan jadi rugi dan dihinakan oleh orang-orang yang tidak beragama Islam oleh sebab kita tidak berpengetahuan. Saudara sekalian marilah kita dengar beberapa keterangan ayat berkaitan darjat ilmu dan perintah yang mewajibkan kita menuntut ilmu dan mengajar. Firman Allah yang artinya tanyalah kepada orang-orang yang berpengetahuan jika kamu tidak tahu dan sabda Nabi s.a.w..... (muka surat 3 dan 4 hilang).

Muka 5 : (Petikan ayat suci al-Quran yang bermaksud “Wahai Rasul sampaikanlah apa yang diturunkan kepada kamu dari Tuhan”). Saudara-saudara firman-firman Allah itu sungguhpun dihadapkan kepada nabi kita s.a.w. tetapi maksudnya ialah perintah kepada nabi dan kepada sekalian umat-umatnya yang berpengetahuan kerana ada beberapa ayat Quran yang menerangkan begitu dan sabda Rasul s.a.w. artinya sampaikan daripada aku kepada manusia walaupun satu ayat. Sabda Rasul s.a.w yang artinya orang alim itu memegang amanah Allah pada bumi. Hadith-hadith itu terang menunjukkan bahawa tiap-tiap orang yang tahu itu walaupun satu ayat wajib

Muka 6 : menyampaikan kepada saudaranya yang belum tahu kerana kalau tidak begitu bukanlah ia orang yang memegang amanah Allah di bumi tetapi ia masuk di dalam bilik orang khianat. Sabda nabi s.a.w. artinya: ulama-ulama itu waris bagi nabi-nabi. Sabda nabi s.a.w. artinya: orang yang lebih hampir kepada darjat nabi-nabi ialah ahli pengetahuan. Dua hadith ini lagi menunjukkan bahawa ulama-ulama itu wajib

bekerja seperti nabi-nabi iaitu menyampaikan perintah Allah kepada hamba-hambanya dan menyuruh dengan pekerjaan yang kebajikan dan melarang dengan pekerjaan yang kejahatan supaya hidup mati kita di dalam aman sentosa maju dan makmur jangan sampai kita terjadi hidup mati.

Muka 7 : Kita di dalam pekerjaan maksiat dan termasuk anak-anak kita di dalam lembahan kehinaan dan derhaka dengan sebab meninggalkan perintah Allah dan mengerjakan larangan. Dan wajib orang-orang berpengetahuan (ulama-ulama) menyampaikan seruannya kepada jalan yang baik dan mendatangkan guna bagi kemaslihatan umum dan menguatkan tenaga umat Islam bagi negeri dan ugamanya. Mudah-mudahan dengan jalan ini dapatlah kembali segala kemuliaan kita yang sudah hilang beberapa lama dan juga kita harap dapat kembali semula akan perikatan persatuan kita apabila sudah kita berpengetahuan dan sedarlah kita akan nasib kita yang telah sudah. Dan dapatlah kita bergerak mengadakan apa-apa jalan yang manfaat dan selamat bagi kaum kita dengan kita bermesyuarat.

Muka 8 : Saudara-saudara sedarlah di mana kita menggunakan ajaran agama kita yang baik-baik itu, tidakkah kita menaruh malu kepada orang-orang lain tersenyum melihat kita sudah ketinggalan dan menurun ke belakang bagitu jauh. Saudara-saudara sudah cukup masanya kita tinggal dengan berdakap tubuh tidak mahu berfikir bagaimana kita sehingga akhirnya terapung-apunglah untung nasib kita di dalam gelombang amalan kita yang sia-sia dan menghilangkan waktu percuma dengan membawa masing-masing untung sendiri-sendiri sahaja . Kalaupun hanyut dan lenyap sekali kemuliaan agama Islam yang maha suci itu. Benar sekali seperti firman Allah yang bermaksud:

Muka 9 : Sesungguhnya Allah tidak mengubahi la akan satu kaum hingga mengubahi mereka akan diri mereka sendiri. Dari ayat-ayat al-Quran dan hadith-hadith yang tersebut kita dapat tahu bahawa Allah dan RasulNya memuliakan ulama-ulama

dan ahli-ahli ilmu , menyuruh kita belajar dan mengajar , memerintah ulama-ulama supaya menyampaikan agama kepada hamba-hamba Allah di muka bumi. Oleh sebab itu tiap-tiap seorang daripada kita belajar dan mengajar kerana di antara kita tidak ada lain melainkan orang yang tidak berilmu dan orang yang berilmu. Maka orang yang tidak berilmu wajib mencari ilmu dan orang yang berilmu wajib memberi ilmu.

Hendaklah kita ingat bahawa Allah Subhanahu wataala ada mengajar kita dengan meminta kepadaNya bermaksud “Hai Tuhan kami berilah bagi kami kebaikan

Muka 10 : di dunia dan kebaikan di akhirat”. Sabda Nabi s.a.w. yang artinya : Bekerjalah sebagaimana pekerjaan orang yang menyangka yang ia tidak akan mati selamanya dan takutlah kepada Allah sebagaimana ketakutan orang yang takut mati besok. Oleh sebab itu hendaklah kita berpengetahuan dengan ilmu ugama untuk akhirat, dan dengan ilmu keduniaan untuk kehidupan dan kemuliaan di dunia , kerana kita orang Islam wajib berusaha dan bekerja bersungguh-sungguh supaya jadi mulia di dunia dan akhirat seperti firman Allah yang artinya :

Muka 11 : “Bagi Allah kemuliaan dan bagi rasulNya dan bagi orang yang beriman”. Hai saudara-saudara kita sekalian sudah tentu maklum bahawa tak dapat kita jadi mulia di dunia dengan ilmu akhirat sahaja , oleh sebab itu hendaklah kita mempunyai ilmu untuk dua-dua negeri iaitu dunia dan akhirat. Saudara-saudara hendaklah kita ingat dan mengerti bahawa yang dimaksudkan dengan ilmu dunia itu ialah sekalian macam yang mendatangkan faedah dan manfaat bagi kemajuan negeri dan umat Islam yang dipersetujui oleh ugama kita bahkan dengan jalan ini

Muka 12 : dapatlah bertambah-tambah ketinggian ugama kita dan bertambah yakin kita kepada ugama kita seperti perkataan Arab yang artinya: “Bermula ugama Islam itu ialah ugama yang amat yakin dan bermula tiap-tiap perkara yang yakin tak dapat tiada mesti dengan kerja dan usaha

yang bersungguh-sungguh dan tiap-tiap diusahakan itu tak dapat tiadalah Nampak buahnya”.

Tetapi jikalau kita palingkan muka kita kearah umat kita sekarang ini apakah kita semua sudah yakin benar . Kalau sudah yakin dimanakah letaknya perusahaan kita itu ya!! Jika sebenarnya kita usaha dan uruskannya, jaga, bela! Dimanakah letaknya buah dan faedah yang terbit daripada Islam

Muka 13 : yang kita sekalian mengaku kita umat Islam , kita orang Islam kosong. Saudara-saudara siapakah yang salah, ugama kitakah salah atau kita yang meringan-ringankan pekerjaan ugama kita, yang maha suci ini. Mustahil ugama kita yang salah ! tetapi kita sendiri yang belum menunaikan kewajipan kita sebagaimana yang diperintah oleh Allah di dalam KitabNya dan sunnah rasulNya.

Mudah-mudahan Allah jua memberi taufik kepada kita supaya dapat kita menunaikan segala kewajipan ugama kita yang maha suci, dan menjauhi sekalian keadaan kita daripada perbuatan dan kelakuan yang tidak diredhai oleh Allah dan rasulNya.

(Terjemahan maksud doa:”Mintalah kepada Allah akan pertunjukNya kepada kita ke jalan yang lurus iaitu jalan orang-orang yang telah Engkau tunjuki bukanlah jalan yang Engkau murkai dan bukan pula jalan yang sesat”.

Muka 14 : (kosong)

Muka 15 : Khutbah Yang Kedua: Bermula segala puji itu bagi Allah akan sebagai puji yang banyak seperti barang yang telah menyuruh Ia, dan saya mengaku bahawa sesungguhnya tiada Tuhan yang saya sembah dengan sebenar-benarnya melainkan Allah hal keadaanNya Esa. Ia tiada sekutu bagiNya akan sebagai pengakuan

Muka 16 : seorang hamba yang telah mendengari akan seruan maka datangia. Dan saya mengaku bahawa seorang penghulu kami Nabi Muhammad s.a.w. itu hamba Allah dan pesuruh Allah iaitulah penghulu segala mereka yang telah menyuruh akan

dia oleh Allah Taala dan mengerjakan taat maka bersegera ia. Telah memberi rahmat oleh Allah Taala atasnya dan atas ahlinya dan segala sahabatnya dan mereka yang baginya menolong ia_

Ada pun kemudian daripada itu saudara-saudara jangan saudara-saudara sangka bahawa amar makruf nahi munkar itu hanya wajib di atas orang-orang alim, guru-guru, ketua-ketua sahaja. Tiap-tiap seorang daripada kita wajib menjalankan amar makruf nahi munkar. Tiap-tiap seorang daripada kita sama kewajipannya. Tiap-tiap seorang daripada kita wajib memimpin orang yang dalam tanggungan kita seperti sabda Nabi s.a.w.:

Muka 17 : Artinya : Tiap-tiap seorang daripada kamu itu pengurusnya. Dan akan diperiksa akan dia dari hal urusannya. Tiap-tiap seorang raja itu pengurus dan akan diperiksa akan dia dari hal urusannya . Tiap-tiap seorang lelaki itu pengurus, tentang anak isterinya dan akan diperiksa akan dia dari urusannya.

Muka 18 : Tiap-tiap seorang perempuan itu pengurus rumahtangga lakinya , dan akan diperiksa akan dia dari hal urusannya. Tiap-tiap seorang suruhan itu pengurus tentang harta benda tuannya, dan akan diperiksa akan dia dari hal urusannya . Tiap-tiap seorang daripada kamu itu pengurus , dan akan diperiksa akan dia dari urusannya.

Maksud hadith itu bahawa tiap-tiap seorang daripada kita ini dinamakan “ra’iy” iaitu pemimpin, pengurus, pengawal, penjaga atau gembala dan tiap-tiap seorang daripada kita akan diperiksa oleh Allah tentang rakyat kita iaitu pimpinan, urusan penjagaan kita, sudahkah kita jaga sebagaimana mestinya, kalau sekiranya kita jaga diri kita secara Islam, kita atur rumah tangga kita secara Islam, kita pimpin saudara-saudara kita secara

Muka 19 : Islam, kita bergaul secara Islam , hidup mati kita secara Islam, nescaya kita duduk di dalam aman damai suci dan bersih daripada sekalian kotor-kotor yang dibenci oleh ugama dan akal yang sempurna.

Marilah saudara dari ini hari kita berjanji

kepada diri kita akan menjauhi sekalian kejahatan dari diri kita , dari rumah tangga kita, dan mengerjakan amar makruf seberapa daya upaya kita , dengan meminta bantuan dan taufik dari Tuhan Yang Maha Kuasa supaya berhasil banyak pekerjaan kita.

Hai Tuhan kami kuatkan olehMu akan ugama Islam. Dan kekalkan olehMu akan ketinggian dan sebutannya dengan berkekalan hamba Engkau anak hamba Engkau yang menyerahkan dirinya bagi kebesaran kemuliaan Engkau iaitu Tuan Kami **Muka 20** : dan Raja Kami Yang Mulia Tuan Syed Alwi Ibni al-Marhum Tuan Kami Yang Mulia Tuan Syed Sofi daripada keturunan Jamalullail , telah mengekal oleh Allah Taala akan kerajaannya dan pemerintahannya dan disejahterakan daripada sekalian ketakutan akan negerinya dan tempatnya.

Hai Tuhan Kaya Tuhan Sekalian Alam , Hai Tuhan Kaya tolonglah olehMu segala tentera orang Islam dan segala askar orang yang Mujahidin dan binasakan olehMu akan segala kafir dan Musyirikin yang ialah seteru kami dan seteru Engkau seteru ugama.

(Terjemahan doa: "Ya Allah ampunilah orang-orang Islam lelaki dan perempuan sama ada yang hidup atau pun yang telah mati , hamba-hamba Allah , sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil dan ikhsan dan menyuruh

Muka 21: merapatkan tali kekerabatan dan mencegah kemaksiatan dan kemungkarannya dan membuat angkara. Semoga kamu mengambil iktibar mudah-mudahan kamu mengingatinya maka ingatlah Allah Yang Maha Besar sebagai ingatan yang penting untuk kamu dan bermohon ampunlah kamu dan berzikirlah kepada Allah Yang Maha Besar dan Allah Maha Mengetahui apa yang kamu lakukan.

Dirikanlah sembahyang!

Pada keseluruhannya gaya bahasa yang digunakan oleh Lebai Kecik di dalam khutbah ini sungguh menarik perhatian, cuma jika dinilai dengan laras bahasa Malaysia kini nampaklah sedikit kejanggalannya kerana

itulah bentuk atau laras bahasa persuratan orang-orang tahun sebelum merdeka iaitu tahun-tahun 1957 ke bawah. Tulisan jawinya elok dan menarik perhatian kerana beliau menulis mirip tulisan huruf rakaah orang-orang yang belajar bahasa Arab.

Kandungan khutbah tersebut juga menggambarkan keadaan masyarakat pada zaman tersebut yang dahagakan ilmu dan penubuhan persatuan untuk membela nasib orang-orang Islam dari pelbagai pelusuk negeri, termasuklah negeri Perlis yang ketika itu dibawah pemerintahan Raja Syed Alwi Jamalullail (1904-1943) (Ahmad Ismail dan Yazid Mat, *Perlis Indera Kayangan*, hal.108). Khutbah muka 1 sama seperti khutbah sekarang yang dimulakan dengan kalimah-kalimah memuji Allah dan salawat keatas Nabi s.a.w.

Khutbah muka 2 menyeru orang ramai supaya menuntut ilmu yang berdalilkan firman Allah dan hadith Nabi s.a.w. tetapi tidak dinyatakan petikan surah dan ayatnya .umpamanya ayat al-Quran tersebut wajar dinyatakan diambil daripada Surah A-Nahl ayat 43 yang bermaksud "Oleh itu bertanyalah kepada orang-orang yang berpengetahuan jika kamu tidak mengetahui".(Sheikh Abdullah Basmeih, *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*, Darulfikir, Kuala Lumpur, 2001, hlm.641).

Muka 3 dan 4 hilang.

Muka 5 hadith Nabi s.a.w. yang menyeru orang-orang Islam supaya belajar . Hadith ini juga tidak menyatakan perawinya dan sumberambilannya.

Muka 6 merupakan terjemahan hadith "ulama-ulama itu waris bagi nabi-nabi". Hadith ini juga tidak menyatakan perawi danambilannya. Sebenarnya hadith ini riwayat Ibn Najjar, dari Anas r.a.yag bermaksud "Para ulama itu adalah pewaris nabi-nabi". (Umar Hasyim, *Mencari Ulama Pewaris Nabi Selayang Pandang Sejarah Para Ulama*, Pena Mas Malaysia ,1980, Pustaka Nasional Singapura, hlm.16).

Muka 7 mengandungi lanjutan huraian



peranan ulama sebagai pewaris para nabi iaitu menyeru ke jalan kebaikan untuk memajukan Negara Islam.

Muka 8 dan 9 adalah sambungan seruan supaya orang-orang Islam bangun membela diri sendiri. Ini juga tidak dinyatakan surah dan ayat. Sebenarnya ia adalah daripada Surah Ar-Ra'd ayat 11 yang bermaksud "Allah tidak mengubah nasib suatu kaum sehingga mereka mengubah diri mereka sendiri". (Sheikh Abdullah Basmeih, hlm.579-580).

Muka 10 petikan hadith yang menyeru orang ramai supaya bekerja dan beribadat secara bersungguh-sungguh. Hadith ini juga tidak dinyatakan perawi dan tempatambilannya.

Muka 11 merupakan lanjutan seruan supaya orang ramai belajar ilmu agama dan ilmu keduniaan. Ini juga tidak dinyatakan ambilannya.

Muka 12 meminta supaya umat Islam yakin dengan agama Allah dan cuba berusaha untuk membuktikan keyakinan tersebut supaya maju seperti orang-orang bukan Islam.

Muka 13 menyeru supaya umat Islam berdoa untuk diberi petunjuk oleh Allah ke jalan yang lurus.

Muka 14 (kosong).

Muka 15 khutbah kedua dengan mukaddimahnyanya.

Muka 16 menyatakan bahawa amar makruf dan nahi munkar bukan sahaja terletak di atas bahu orang-orang alim, guru-guru dan ketua-ketua tetapi juga pada setiap orang.

Muka 17 dan 18 tidak menyatakan petikan hadith mengenai pengembala atau pemimpin. Hadith ini juga tidak dinyatakan perawinya dan sumber ambilannya. Sumber ambilan hadith ini terdapat dalam Kitab Ringkasan Sahih Muslim Arab-Indonesia, Crescent News Sdn.Bhd., K.Lumpur, Percetakan Zafar Sdn.Bhd., 2004, hlm.694.

Muka 19 menyeru umat Islam berikrar untuk amar makruf nahi munkar.

Muka 20 memanjatkan pujian kepada Allah dan doa keampunan.

Muka 21 sambungan doa magfirah dan seruan untuk mendirikan sembahyang.

Rujukan:

1. Sheikh Abdullah Basmeih, *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*, Darulfikir, Kuala Lumpur, 2001.
2. *Kitab Ringkasan Sahih Muslim Arab-Indonesia*, Crescent News Sdn.Bhd., K.Lumpur, Percetakan Zafar Sdn. Bhd., 2004.
3. Sheikh Abdullah Basmeih, hlm.579-580
4. Umar Hasyim, *Mencari Ulama Pewaris Nabi Selayang Pandang Sejarah Para Ulama*, Pena Mas Malaysia, 1980, Pustaka Nasional Singapura.
5. Ahmad Ismail dan Yazid Mat, *Perlis Indera Kayangan Sejarah Pembentukan Sebuah Negeri Berdaulat*, Perbadanan Perpustakaan Awam Perlis, 1992.
6. Shukor Mat, *As-Sunnah Di Perlis*, Media One Publication, 2001.